



## POLISI ANTI-RASUAH

Majlis Daerah Pekan (MDP) komited untuk mengamalkan ketelusan dan keadilan bagi memastikan tadbir urus terbaik melalui penyampaian perkhidmatan yang cekap, berkesan dan berintegriti.

Sehubungan dengan itu, MDP akan;

- i. Mematuhi peruntukan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Akta 694), arahan-arahan lain yang berkaitan anti-rasuah dan semua perundangan yang terpakai kepada aktiviti MDP;
- ii. Memastikan amalan dan persekitaran kerja selari dengan pelaksanaan anti-rasuah bagi semua kakitangan dan pihak berkepentingan MDP;
- iii. Menyediakan rangka kerja untuk menetapkan, menyemak dan mencapai objektif anti-rasuah selaras keperluan sistem pengurusan anti-rasuah secara berterusan;
- iv. Menyediakan saluran aduan bagi sebarang salahlaku integriti dan rasuah selaras dengan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711);
- v. Memberi kuasa kepada Bahagian Integriti MDP menjalankan fungsi pematuhan anti-rasuah dan bertindak sebagai badan bebas.

Adalah menjadi tanggungjawab bagi semua kakitangan membaca, memahami dan mematuhi polisi anti-rasuah MDP. Tindakan tatatertib boleh diambil keatas kakitangan bagi sebarang ketakakuran dan pelanggaran polisi ini.

**YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH PEKAN  
6 JULAI 2022**

No. Rujukan : MDP/BIAD/P/01  
No. Pindaan : 01